

CERAMAH TEKNIK TECHNICAL TALK

Graptolite research in Malaysia: From its uses in biostratigraphy to the paleoenvironment and thermal maturities studies

Muhammad Aqqid Saporin

Nanjing Institute of Geology and Palaeontology,

Chinese Academy of Sciences (NIGPAS), Xuanwu, Nanjing, Jiangsu, China

Date: 6 November 2024


Venue: Bilik Mesyuarat Geologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Program Geologi UKM, Jabatan Sains Bumi dan Alam Sekitar (JSBAS) berasa sangat bertuah kerana telah berpeluang mendengar sesi perkongsian penyelidikan berkenaan fosil yang sangat jarang dan sukar ditemui di Malaysia iaitu fosil Graptolite. Perkongsian ini telah disampaikan oleh Dr. Muhammad Aqqid Saporin pada 6hb November 2024 di Bilik Mesyuarat Geologi, UKM. Beliau kini sedang berkhidmat sebagai Penyelidik Posdoktoral di Nanjing Institute of Geology and Palaeontology, Chinese Academy of Sciences (NIGPAS), Xuanwu, Nanjing, Jiangsu, China.

Dr. Muhammad Aqqid telah membentangkan hasil kajian graptolitnya di barat laut Semenanjung Malaysia yang merupakan topik penyelidikan bagi tesis Doktor Falsafah yang beliau peroleh daripada Universiti Teknologi Petronas (UTP). Hasil kajian beliau telah diterbitkan dalam beberapa jurnal dan memperbaharui stratigrafi batuan Paleozoik Awal di Semenanjung Malaysia.

Para hadirin dan pelajar turut mengambil peluang bertanyakan tentang pengalaman kerjaya di China, proses dan peluang yang ada di tempat yang sama. Selain itu, beliau turut menunjukkan sampel tangan batuan yang mengandungi fosil graptolit yang telah beliau temui.

Upacara penyampaian cenderamata telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Habibah binti Hj. Jamil selaku Timbalan Pengerusi bagi Jabatan Sains Bumi dan Alam Sekitar (JSBAS), FST UKM. Geologi UKM merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Dr. Muhammad Aqqid Saporin atas perkongsian pengalaman yang sangat menarik dan bermanfaat. Penghargaan juga dipanjangkan kepada Institut Geologi Malaysia (IGM) dan Persatuan Geologi Malaysia (GSM) di bawah Kumpulan Kerja Warisan Geologi atas kerjasama penganjuran sesi ceramah teknik ini. *Geology to the Fore!!*



Dr. Aqqid berkongsi maklumat asas berkenaan Graptolit bersama hadirin.



Penyerahan cenderamata kepada penceramah.

Disediakan oleh,

Dr. Muhammad Ashahadi Bin Dzulkafli P.Geol.

Pensyarah Geologi, Jabatan Sains Bumi dan Alam Sekitar, UKM

29 November 2024